

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 13 MAC 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 9

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1541-L13467
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah konsep seumpama Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang dilancarkan oleh Kerajaan pimpinan Barisan Nasional sebelum ini diteruskan oleh Kerajaan MADANI kini memandangkan program tersebut menunjukkan hasil yang sangat menguntungkan kepada Malaysia.
2. PN-1541-L13212
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan MADANI bagi menangani pertembungan berbagai aliran pemikiran Islam yang boleh menjejaskan perpaduan ummah.
3. PN-1541-L13735
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah belia berusia 35 tahun ke bawah yang telah diisytiharkan bankrap setakat 2025 dan apakah punca utama yang menyebabkan berlakunya masalah ini serta apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menanganinya.
4. PN-1541-L13670
Senator Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-
 - (a) isu pengurniaan ijazah PhD palsu yang berleluasa di Malaysia dan berapakah jumlah institusi yang terlibat dengan isu ini yang telah dikesan; dan

- (b) berapakah jumlah individu dengan kurniaan PhD palsu di Malaysia dan apakah strategi KPT untuk menangani isu ini.
5. PN-1541-L13879
Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan garis masa pelaksanaan Kurikulum Persekolahan 2027 dalam rangka pembentukan Insan Sejahtera yang ditandai oleh lima ciri teras iaitu kehidupan yang seimbang dalam semua aspek, pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat, perpaduan dan keharmonian, warganegara yang beradab dan bertanggungjawab serta berdaya saing pada peringkat global.
6. PN-1541-L13595
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk program i-Saraan dan i-Suri KWSP pada tahun 2023 dan 2024.
7. PN-1541-L13456
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mendorong koperasi di Sarawak bekerjasama dengan koperasi di negeri lain bagi memperluaskan lagi pasaran dan juga kolaborasi dengan pelabur swasta atau syarikat besar untuk meningkatkan kecekapan daya saing.
8. PN-1541-L13524
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menyediakan pelajar sekolah yang lebih '*Future Proof*' agar usaha Kerajaan dalam sistem pendidikan tidak dipengaruhi dengan 'trend' terkini.
9. PN-1541-L13388
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan bagaimanakah Kementerian dengan kerjasama JAWHAR memastikan pengurusan umrah dan haji bebas daripada eksploitasi dan penyelewengan, termasuk pemantauan ketat terhadap syarikat pelancongan, kawal selia pakej umrah, serta tindakan tegas terhadap penipuan yang menjejaskan jemaah.

10. PN-1541-L13202

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) perkembangan terkini pembinaan Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ) di Tapak Megah memandangkan CIQ di pihak Indonesia telah pun siap; dan
- (b) adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk memulakan pembinaan dan bilakah tarikh jangkaan siap bagi CIQ Tapak Megah ini.

11. PN-1541-L13729

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Malaysia bersedia menghadapi ancaman Trump bahawa "100% tarif ke atas negara-negara BRICS jika mereka berpindah dari dolar AS".

12. PN-1541-L13238

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian dalam menangani isu ketagihan media sosial yang luar biasa seperti Tiktok, Instagram, Facebook, dan sebagainya walaupun banyak manfaat yang diperoleh daripada penggunaan sosial media.

13. PN-1541-L13330

Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian menganjurkan program-program penjelasan kepada remaja perempuan dan wanita bujang mengenai perkahwinan yang melibatkan pasangan bukan warga tempatan (negara luar) bagi mengekang isu "mengggunakan" perkahwinan dengan wanita tempatan untuk tujuan dan maksud lain.

14. PN-1541-L13820

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bersedia untuk mengkaji semula sepenuhnya model pembiayaan pendidikan tinggi awam daripada pendekatan perubahan beransur sekarang kepada sebuah *Performance-Based Funding Model* yang berdasarkan kepada kebolehsuaian graduan terhadap permintaan industri; dan

- (b) bagaimanakah Kerajaan akan memastikan sistem pengajian tinggi tidak sekadar mengeluarkan ijazah tetapi benar-benar menjadi pemacu Total Factor Productivity (TFP) dalam ekonomi Malaysia.
15. PN-1541-L13807
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah strategi dan pelan tindakan Kerajaan untuk memastikan lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor pembuatan, memandangkan jumlah pekerjaan dalam bidang tersebut semakin berkurangan sejak tahun 2000.
16. PN-1541-L13513
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tindakan Kementerian bagi menangani isu kos pengeluaran makanan yang semakin meningkat sedangkan harga hasil pengeluaran pertanian yang tidak stabil menyebabkan petani dan pekebun kecil mengalami kerugian.
17. PN-1541-L13414
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah inisiatif khusus yang dirancang bagi menggalakkan penyertaan pereka industri Malaysia dalam Ekspo Dunia Osaka 2025 dan Kepengerusian ASEAN 2025.
18. PN-1541-L13418
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-
- (a) usaha Kementerian untuk memerangi aktiviti pemburuan dan perdagangan haram spesis terancam seperti harimau yang mendapat permintaan tinggi dalam pasaran gelap; dan
- (b) langkah bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang terhadap pemburuan haiwan dilaksanakan dengan lebih efisien di kawasan yang dikenal pasti sebagai habitat utama hidupan tersebut.
19. PN-1541-L13267
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam memastikan wanita yang menghidap kanser payudara mendapat sokongan dan rawatan yang mencukupi termasuk rawatan susulan dan sokongan psikososial.

20. PN-1541-L13310

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah meningkatkan tahap kesiapsiagaan dalam menghadapi sebarang kemungkinan serangan atau ancaman keselamatan.

21. PN-1541-L13193

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk membina stadium tertutup di daerah pedalaman di Sarawak seperti di Daerah Belaga dan sekiranya ada, bilakah stadium tertutup dapat dibina dan disiapkan.

22. PN-1541-L13683

Senator Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) statistik 5 tahun terkini untuk jangkitan baru penyakit tuberkulosis (TB) dan kadar kematian mengikut negeri dan warganegara; dan
- (b) apakah sasaran asal untuk inisiatif tersebut dan pencapaiannya serta apakah inisiatif khusus untuk menangani masalah penyakit TB di Malaysia.

23. PN-1541-L13287

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan dan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk mereformasikan sistem penjara di Malaysia bagi mengatasi masalah kesesakan dan keselamatan di penjara terutamanya apabila berlakunya pergaduhan dan kekerasan dalam kalangan banduan .

24. PN-1541-L13447

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah pelan jangka masa panjang Kementerian untuk memastikan pemodenan pengurusan air yang lebih cekap dalam menangani masalah kehilangan kadar penghasilan air tidak berhasil (non-revenue water) menjelang tahun 2030.

25. PN-1541-L13710

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan perancangan jangka panjang Kerajaan dalam mengatasi masalah 'urbanisasi berlebihan' di bandar-bandar utama serta usaha untuk memperkenalkan pembangunan mampan di luar bandar yang boleh menarik golongan muda kembali ke kawasan tersebut.

26. PN-1541-L13257

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bilakah Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) yang memegang hak eksklusif pengimportan beras di Malaysia akan menyerah balik hak pengimportan beras tersebut kepada Sabah melalui Lembaga Padi dan Beras Sabah di bawah seliaan Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah.

27. PN-1541-L13696

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) apakah hasil dapatan daripada Forum Ekonomi Malaysia yang telah diadakan pada 9 Januari 2025 khususnya buat industri kecerdasan buatan (AI); dan
- (b) keterjaminan peluang pekerjaan kepada negara.

28. PN-1541-L13621

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan fokus diplomatik dan hubungan dua hala Malaysia sempena Kepengerusian ASEAN 2025 dengan negara seperti Amerika Syarikat, China dan Rusia agar manfaat ini dapat mengukuhkan sektor dagangan dan ekonomi Malaysia.

29. PN-1541-L13892

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian menitikberatkan elemen keselamatan terhadap nelayan tempatan di sempadan perairan negara dan apakah pertimbangan Kerajaan bagi memperbanyakkan kapal bersaiz besar dan bot-bot kepada nelayan yang beroperasi di laut dalam membantu pihak berkuasa mengekang pencerobohan membabitkan nelayan asing.

30. PN-1541-L13173

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan inisiatif bagi mengatasi masalah *stunting* (bantut) dalam kalangan kanak-kanak yang semakin merisaukan khususnya di Sabah.

31. PN-1541-L13839
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan polemik garis panduan berkaitan penglibatan orang Islam dalam acara orang bukan Islam dan adakah garis panduan ini akan dilaksanakan di semua negeri atau program rasmi Kerajaan sahaja serta adakah Kerajaan sudah berbincang dengan Majlis Fatwa Kebangsaan berkenaan hal ini.
32. PN-1541-L13133
Senator Tuan Isaiah a/I D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah golongan orang kurang upaya (OKU) yang berdaftar sehingga 31 Disember 2024 dengan mengikut pecahan negeri, kategori, jantina, dan bangsa.
33. PN-1541-L13871
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status terkini cadangan mencalonkan Kampung Baru Cina sebagai Tapak Warisan Dunia Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).
34. PN-1541-L13489
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah asas penilaian yang digunakan untuk menentukan harga pembelian saham Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) yang ditetapkan pada RM11 dan adakah ia mencerminkan nilai sebenar syarikat kerana ia tidak munasabah dan boleh menyebabkan kerugian besar kepada dana awam sehingga menimbulkan persoalan kerana pemegang saham utamanya adalah institusi berkaitan Kerajaan seperti KWSP, Khazanah dan KWAP.
35. PN-1541-L13609
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan bagaimanakah Malaysia merancang untuk memastikan pematuhan terhadap standard ketat European Union (EU) dalam aspek kelestarian, pelepasan karbon dan perhutanan di bawah Malaysia-EU FTA.
36. PN-1541-L13365
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha pihak Kerajaan membendung anasir-anasir anti-Islam di negara ini, dan setakat mana keberkesanannya.

37. PN-1541-L13116
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan dalam tahun 2024, berapakah statistik pencerobohan perairan negara oleh tentera negara asing.
38. PN-1541-L13345
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan usaha meningkatkan pengagihan dana Ecological Fiscal Transfers (EFT) ke Negeri Kedah bagi memastikan pemuliharaan hutan dan biodiversiti yang setimpal khususnya di Hutan Simpan Ulu Muda.
39. PN-1541-L13847
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan langkah *rightsizing* tenaga kerja oleh PETRONAS terhadap ekonomi negara dan sektor pekerjaan serta adakah Kerajaan akan memperkenalkan insentif atau pelan sokongan bagi pekerja yang terjejas di samping memastikan kestabilan industri minyak dan gas.
40. PN-1541-L13321
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menaik taraf bilik darjah yang uzur dan tidak selamat untuk pembelajaran.
41. PN-1541-L13504
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan usaha pihak Kementerian membantu industri tempatan termasuk industri kecil dan sederhana (IKS) bersaing di pasaran antarabangsa termasuk insentif kewangan, bantuan eksport dan bantuan teknikal.
42. PN-1541-L13277
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimanakah Kementerian menangani cabaran kehilangan pekerjaan akibat automasi dan penggunaan teknologi dalam pelbagai sektor dan apakah program latihan semula (*reskilling*) dan peningkatan kemahiran (*upskilling*) yang disediakan untuk pekerja yang terjejas.

43. PN-1541-L13153

Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik penahanan, pertuduhan dan sabitan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 berdasarkan pecahan umur, kaum, jantina, dan taraf kewarganegaraan bagi setiap tahun dari Januari 2018 sehingga kini.

44. PN-1541-L13439

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah status pelaksanaan program 1 Warga 1 Kaunseling (1W1K); dan
- (b) berapakah peratus warga pendidik di seluruh negara yang dikenal pasti tergolong dalam golongan yang mengalami tekanan psikologi teruk dan apakah tindakan ataupun sistem sokongan terhadap golongan ini.

45. PN-1541-L13679

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah permohonan untuk memasang lampu jalan di perkampungan Orang Asli di seluruh negara; dan
- (b) nyatakan kampung yang telah membuat permohonan dan kampung yang dalam perancangan untuk dibina lampu jalan.

46. PN-1541-L13597

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) kawalan sektor import padi dan beras seperti jumlah lesen import beras, padi dan produk hasil berasaskan beras sehingga Januari tahun 2025; dan
- (b) kapasiti import padi, beras dan produk hasil berasaskan beras seperti bihun, kuetiau, laksa, dan lain-lain.

47. PN-1541-L13543

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan usaha Kementerian melaksanakan mekanisme bagi mengimbangi harga getah termasuk melantik Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) sebagai pembeli tunggal komoditi itu.

48. PN-1541-L13567
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) dan usaha pihak Kerajaan dalam memartabatkan Dasar Pendidikan Kebangsaan menerusi Bahasa Melayu serta bahasa pengantar dalam sistem pendidikan.
49. PN-1541-L13223
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah Deposit MADANI yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian bagi membantu menyediakan deposit berjumlah maksimum RM30,000 kepada pembeli rumah pertama sehingga kini dan daripada jumlah tersebut, berapakah pecahan bilangan penerima mengikut negeri.
50. PN-1541-L13548
Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kemajuan dan pencapaian Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM sekarang sejak pelancarannya pada tahun 2021 dan adakah pensijilan ini dapat memastikan pelajar-pelajar tahfiz ini mendapat pekerjaan dalam pasaran kerja tempatan setelah mereka menamatkan pengajian masing-masing.
51. PN-1541-L13798
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian telah atau dalam proses untuk mengeluarkan sebarang notis Interpol untuk individu yang bernama Jho Low.
52. PN-1541-L13430
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian dalam menyediakan pusat latihan bagi menghasilkan kemahiran tenaga manusia dalam industri automotif khususnya melibatkan kenderaan elektrik (EV) di seluruh negara.
53. PN-1541-L13229
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah intervensi yang telah diteliti dan sedang dilaksanakan bagi menangani trend penurunan keputusan kajian penandaarasan antarabangsa dalam kalangan pelajar di Malaysia seperti yang telah dicatatkan oleh PISA 2022 dan TIMSS 2023.

54. PN-1541-L13295

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah bentuk sumbangan yang diterima oleh Tabung Wakaf MARA MADANI dan bagaimanakah Kerajaan memastikan dana Tabung Wakaf MARA MADANI yang dikumpul dapat disalurkan secara efektif dan efisien kepada penerima yang memerlukan serta bilakah pelaksanaan dana wakaf itu .

55. PN-1541-L13784

Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi kelonggaran pembayaran pinjaman PTPTN kepada mereka yang hampir bersara tetapi masih belum melunaskan hutang pinjaman.

56. PN-1541-L13754

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah segera dan komprehensif yang diambil untuk memperbaiki tahap kemahiran membaca pelajar sekolah rendah memandangkan laporan menunjukkan 175,304 pelajar masih tidak mahir membaca; dan
- (b) apakah strategi jangka panjang Kerajaan untuk memastikan semua murid mendapat asas literasi yang kukuh tanpa mengabaikan pelajar dari latar belakang miskin atau luar bandar.

57. PN-1541-L13182

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan mengapakah Pejabat Konsulat bagi Kerajaan Filipina tidak diwujudkan di Wilayah Sabah kerana perkara ini penting bagi memastikan usaha lambakan pendatang asing tanpa izin (PATI) dapat diatasi.

58. PN-1541-L13763

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan kadar lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) termasuk bantuan untuk pelajar yang menghadapi kesukaran akademik serta sokongan kepada sekolah-sekolah yang berdepan dengan masalah pendidikan.

59. PN-1541-L13698

Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kejadian kebakaran terbuka di Sabah, terutamanya yang menyumbang kepada masalah jerebu; dan
- (b) berapakah jumlah kes kebakaran yang telah direkodkan di Sabah dalam tempoh lima tahun terakhir dan apakah punca utama kejadian tersebut.

60. PN-1541-L13397

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan terbaharu jumlah pendatang tanpa izin di Malaysia sejak lima tahun yang lalu dan apakah pandangan Kerajaan berhubung cadangan mewujudkan badan pemantau kawal selia bagi mengawal lambakan pendatang asing tanpa izin ini.

61. PN-1541-L13859

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam yang telah diperakukan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-68 yang bersidang pada 12 April 2005 masih lagi berkuat kuasa.

62. PN-1541-L13377

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dilaksanakan untuk memperkasakan sistem perkhidmatan kesihatan negara yang mampan supaya semua rakyat dapat menerima perkhidmatan secara adil dan saksama.

63. PN-1541-L13788

Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mempromosikan kembali tempat tarikan pelancongan yang terdapat di Malaysia.

64. PN-1541-L13813

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah persediaan Kerajaan menghadapi situasi ekonomi semasa, contohnya kadar tarif dunia yang semakin bergolak, ketidaktentuan ekonomi global dan ancaman sengketa perdagangan antara negara besar yang boleh menggugat ekonomi negara; dan
- (b) bagaimanakah Kerajaan akan memastikan setiap kilang, peladang dan pengusaha Bumiputera tidak tenggelam di dalam gelombang ketidaktentuan ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** akan mencadangkan :-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Kelima Belas.”

- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah**

(12 Mac 2025)

- | | | |
|----|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R.63/2024) Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia 2024 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Komunikasi] | |
| 3. | (D.R.62/2024) Rang Undang-undang BERNAMA (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Komunikasi] | |
| 4. | (D.R.1/2025) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Perpaduan Negara] | |

5. (D.R.5/2025) Rang Undang-undang Perlembagaan **Bacaan Kali Yang Kedua**
(Pindaan) 2025

[Perdana Menteri]

6. (D.R.4/2025) Rang Undang-undang Perkhidmatan **Bacaan Kali Yang Kedua**
Parlimen 2025

[Perdana Menteri]

7. (D.R.3/2025) Rang Undang-undang Perbekalan **Bacaan Kali Yang Kedua**
Tambahan (2024) 2025

[Menteri Kewangan]

8. (D.R.8/2025) Rang Undang-undang Kumpulan Wang **Bacaan Kali Yang Kedua**
Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025

[Menteri Kewangan]

9. (D.R.2/2025) Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba **Bacaan Kali Yang Kedua**
(Pindaan) 2025

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

10. (D.R.10/2025) Rang Undang-undang Pemerangkapan, **Bacaan Kali Yang Kedua**
Penggunaan dan Penyimpanan Karbon 2025

[Menteri Ekonomi]

11. (D.R. 9/2025) Rang Undang-undang Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]